

Baru beberapa hari jadi KM Chong berdepan fenomena permohonan kerusi

UM 2 1 MAR 2001

KOTA KINABALU 20 Mac — Baru beberapa hari sahaja Datuk Chong Kah Kiat diumumkan sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru kini beliau telah mula berdepan dengan fenomena permohonan kerusi daripada rakan rakan parti komponen Barisan Nasional (BN) untuk menyertai rombongan kabinetnya nanti

Chong bakal menggantikan Datuk Osu Sukam seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur pada Jumaat lepas

Antara rakan komponen BN Sabah yang telah mula membuat permohonan terbuka kepada Chong ialah Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs)

Presiden UPKO Tan Sri Bernard Dompok yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri meminta supaya Chong mengekalkan ketiga tiga wakil parti itu di dalam rombongan kabinet akan datang

Menurut beliau ketiga tiga wakil partinya itu perlu dikekalkan di dalam kabinet Sabah supaya segala

keperluan pembangunan kaum bumiputera tersebut dapat dibawa terus kepada kerajaan

Kini terdapat tiga orang wakil UPKO di dalam kabinet Sabah iaitu dua menteri penuh dan seorang pembantu menteri

Mereka ialah Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah Datuk Wilfred Bumburing serta Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat Sabah Datuk Wences Anggang

Seorang lagi ialah Pembantu Menteri Pembangunan Pertanian dan Industri Pemakanan Sabah Datuk Siringan Gubat

Wilfred Bumburing ialah wakil rakyat yang dilantik manakala Wences Anggang merupakan Ahh Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Penyu dan Siringan Gubat pula ADUN Ranau menerusi pilihan raya umum Sabah 1999

Sementara itu Presiden PBRs Tan Sri Joseph Kurup yang turut meminta supaya Chong tidak lupa untuk

mengambil wakil daripada partinya dalam rombongan kabinet akan datang

Joseph Kurup mempunyai alasan yang kukuh supaya wakilnya diberi peluang untuk menyertai kabinet baru Sabah itu kerana PBRs mempunyai keahlian kedua terbesar parti selepas UMNO di Sabah

Katanya PBRs kini mewakili 40 peratus kaum Kadazandusun dan Murut

Dalam kabinet Osu tidak seorang pun wakil PBRs diambil kerana parti itu gagal memenangi kerusi yang mereka tandingi dalam pilihan raya umum negeri 1999

Cuma yang ada di dalam PBRs sekarang antaranya ialah bekas anggota pembangkang ADUN Bingkor Datuk Dr Jeffrey Kitingan yang baru melompat dari Parti Bersatu Sabah (PBS)

Sekiranya Chong ingin memberi peluang kepada Joseph Kurup sendiri untuk menyertai kabinet maka Presiden PBRs itu boleh diambil menerusi kuota wakil rakyat yang dilantik sebagaimana yang diperolehi oleh Wilfred Bumburing di dalam kabinet Osu